

Siri Mengenal dan Menyintai Rasulullah SAW
Bahagian 1

Kitab yang sedang ditatap oleh pembaca ini merupakan terjemahan bagi hasil karya dan ketekunan seorang ulama' hadith, al-Imam al-Hafiz Abu al-'Abbas al-Uqlishi. Kitab ini merupakan bukti kecintaan beliau kepada Rasulullah ﷺ dan kegigihan beliau di dalam mengenengahkan amalan berselawat ini kepada masyarakat. Beliau menghimpunkan sekitar empat puluh satu (41) hadith yang berkaitan dengan keutamaan dan keistimewaan berselawat kepada junjungan kita, Rasulullah ﷺ di dalam kitab ini.

Di samping itu, beliau juga ada menyelitkan sedikit kata-kata Saidina 'Umar al-Khattab ؓ dan kisah-kisah berkaitan para solihin sebagai faedah tambahan. Beliau juga memberikan sedikit syarahan sebelum atau selepas hadith-hadith yang berkaitan. Kitab ini disusun oleh pengarangnya dengan ringkas tanpa meletakkan bab yang khusus bagi setiap hadith. Oleh itu, penterjemah/editor meletakkan nombor serta tajuk ringkas bagi setiap hadith yang disusun oleh beliau dengan tanda [...] bagi memudahkan rujukan pembaca.

Harga: RM 25.00

WISDOM
PUBLICATION



9 789671 029954 >

Cahaya-Cahaya Sunnah yang khusus berkenaan Kelebihan Selawat ke atas Nabi Yang Terpilih



al-Imam al-Hafiz Abu al-'Abbas al-Uqlishi

Penterjemah dan Editor:
Abdullaah Jalil

CAHAYA-CAHAYA SUNNAH
YANG KHUSUS BERKENAAN
KELEBIHAN SELAWAT KE ATAS NABI
YANG TERPILIH ﷺ

أنوار الآثار المختصة بفضل الصلاة على النبي المختار ﷺ

[Halaman ini sengaja ditinggalkan kosong]

CAHAYA-CAHAYA SUNNAH
YANG KHUSUS BERKENAAN
KELEBIHAN SELAWAT KE ATAS NABI
YANG TERPILIH ﷺ

أنوار الآثار المختصة بفضل الصلاة على النبي المختار ﷺ

AL-IMAM AL-HAFIZ

ABU AL-‘ABBAS AHMAD IBN MA‘ADD IBN ‘ISA AL-UQLISHI

TERJEMAHAN DAN EDIT:

ABDULLAAH JALIL

WISDOM PUBLICATION

Nilai, Negeri Sembilan

WISDOM PUBLICATION NS0078217-W
No. 110, Jalan Dillenia 3, Laman Dillenia,
Nilai Impian,
Nilai, Negeri Sembilan.
Tel: 06-794 6394
Email: wisdompublisher@gmail.com
Blog: www.wisdompublication.blogspot.com

Hak Cipta Terpelihara © 2014-2015 Wisdom Publication

ISBN: 978-967-10299-5-4

Edisi Pertama
Cetakan: Mei 2015

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Wisdom Publication (NS0078217-W) atau penterjemah/editor.

Pencetak:
ZARASA ENTERPRISE,
001372482-A,
C-7-G, Jalan Jati 9, Acacia Avenue, Putra Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan.
Tel: +6019-282 6924
Email: zarasaenterprise@gmail.com

Allah ﷻ berfirman (Al-Ahzāb: 43):

هُوَ الَّذِي يُصَلِّي عَلَيْكُمْ وَمَلَائِكَتُهُ لِيُخْرِجَكُم مِّنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ وَكَانَ
بِالْمُؤْمِنِينَ رَحِيمًا ﴿٤٣﴾

Maksudnya: “[43] Dialah yang memberi rahmat kepadamu dan malaikat-Nya juga untuk mengeluarkan kamu dari gelap gelita kepada cahaya yang terang-benderang; dan adalah Ia sentiasa Melimpahkan rahmat-Nya kepada orang yang beriman.”

Allah ﷻ berfirman (Al-Ahzāb: 56):

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا
تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

Maksudnya: “[56] Sesungguhnya Allah dan para Malaikat-Nya bersalawat ke atas Nabi; wahai orang yang beriman, bersalawatlah kamu ke atas baginda serta mohonkanlah kesejahteraan dengan sepenuh penghormatan.”

[Halaman ini sengaja ditinggalkan kosong]

DEDIKASI

Kepada semua umat dan hati-hati yang merindui Rasulullah ﷺ dan ahli keluarga Baginda ﷺ,

Kepada para ulama' dan mashayikh yang mendidik umat ini dengan cinta kepada Rasulullah ﷺ dan ahli keluarga Baginda ﷺ,

Kepada kedua ayahanda dan bonda: Hj Jalil Omar and Hapisah Ismail, dan seluruh ahli keluarga,

Kepada isteri yang dikasihi: Suraiya Osman, serta anak-anak yang tercinta: Abdurrahman al-Munib, Maryam al-Safiyah, Sara al-Ameena dan Ibtisam al-Nafeesa, semoga kita semua digolongkan di kalangan kekasih Allah ﷻ dan Rasul-Nya ﷺ.

PRAKATA

Segala puji bagi Allah ﷻ yang telah menciptakan alam ini dengan penuh kebijaksanaan dan keajaiban, serta menjadikan kita semua di kalangan umat Nabi Muhammad ﷺ, penutup dan penghulu segala para nabi dan rasul terdahulu – ‘alayhim al-salah wa al-salam,

Selawat dan salam kami sampaikan kepada junjungan serta penghulu umat ini, Nabi Muhammad ﷺ, kekasih Allah dan rasul-Nya, juga ke atas ahli keluarga dan para sahabat Baginda ﷺ, serta seluruh para muslimin dan muslimat yang sentiasa mengharapkan kasih sayang serta shafaat Baginda ﷺ di akhirat nanti, hari di mana semua amal dihitung, tidak ada yang terselindung,

Ammā ba’d (Adapun selepas itu),

Pertamanya, pihak penerbit ingin memanjatkan rasa syukur kepada Allah ﷻ di atas tawfiq dan inayahNya kepada kami untuk menerbitkan kitab yang sangat bermanfaat ini. Ini adalah usaha pihak Wisdom Publication untuk menyemai dan menyuburkan ikatan umat ini dengan kekasihnya, Rasulullah ﷺ.

Kitab yang juga dikenali sebagai ‘Al-Arba’in al-Uqlishiyah’ ini adalah salah satu tanda dan manifestasi keperihatinan para ulama’ hadith seperti al-Imam al-Hafiz Abu al-‘Abbas al-Uqlishi terhadap amalan berselawat ke atas Rasulullah ﷺ sehinggakan beliau dan beberapa ulama’ lain seperti al-Imam al-Sakhawi dan al-Imam al-Hafiz Ibn Hajar al-Haytami menghimpunkan hadith-hadith berkenaan kelebihan selawat di dalam sebuah kitab yang khusus.

Bahkan, tanda kecintaan seseorang umat itu kepada nabinya, Rasulullah ﷺ serta ahli keluarga Baginda ﷺ juga boleh dilihat daripada ketekunannya membasahkan lidahnya dengan zikrullah dan selawat ke atas Nabi Muhammad ﷺ. Semoga kitab ini dapat memainkan peranannya dan memenuhi permintaan pembaca yang bersungguh-sungguh ingin menjadikan amalan berselawat sebagai salah satu wirid utama dalam amalan hariannya.

Pihak penerbit ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak di dalam menjayakan penerbitan ini. Insyallah, pihak penerbit akan berusaha untuk terus berkhidmat kepada Allah ﷻ dan Rasul-Nya ﷺ dalam bidang penerbitan ilmiah agar warisan Rasul-Nya ﷺ terus subur dipelajari dan diwarisi oleh umat ini. Semoga rahmat Allah ﷻ dan kasih Nabi-Nya ﷺ terus bersama kita semua di dunia ini dan lebih-lebih lagi di akhirat nanti, Amin Ya Rabbal al-‘Alamin.

Penerbit

PENDAHULUAN

Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani, Selawat dan salam diutuskan buat junjungan kita, Nabi Muhammad ﷺ, ahli keluarga serta para sahabat baginda r.ʿanhum ajmaʿin,

Ammā baʿd (Adapun selepas itu),

Al-Imam al-Hafiz Ibn ʿAsakir meriwayatkan daripada Saidina Abu Hurayrah ؓ bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ حَفِظَ عَلَىٰ أُمَّتِي أَرْبَعِينَ حَدِيثًا مِنْ أَمْرِ دِينِهَا بَعَثَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَقِيهًا عَالِمًا

Maksudnya: “Barangsiapa yang memelihara bagi umatku empat puluh hadith di dalam urusan agama mereka, Allah [ﷻ] akan membangkitkannya pada hari kiamat nanti sebagai seorang faqih lagi calim.”

Hadith tersebut walaupun daʿif tetapi telah diriwayatkan dengan shawahid dan tawabiʿ yang begitu banyak. Ia telah menjadi motivasi bagi ramai para ulama’, khususnya para ulama’ hadith, untuk mengumpulkan sebanyak empat puluh (40) hadith atau sekitarnya di dalam sesuatu bidang ilmu. Kitab “al-Arbaʿin al-Nawawiyah” oleh Imam al-Nawawi yang mengumpulkan empat puluh dua (42) hadith berkaitan asas-asas agama Islam boleh dianggap sebagai kitab yang paling mayshur di dalam bidang pengumpulan empat puluh hadith ini.

Segala puji bagi Allah ﷻ di atas tawfiq-Nya kepada penulis untuk menterjemahkan kitab “al-Arbaʿin al-Uqlishiyyah” yang amat bermanfaat ini. Kitab yang sedang ditatap oleh pembaca ini merupakan terjemahan bagi hasil karya dan ketekunan seorang ulama’ hadith, al-Imam al-Hafiz Abu al-ʿAbbas al-Uqlishi. Kitab ini merupakan bukti kecintaan beliau kepada Rasulullah ﷺ dan kegigihan beliau di dalam mengenengahkan amalan berselawat ini kepada

masyarakat. Beliau menghimpunkan sekitar empat puluh satu (41) hadith yang berkaitan dengan keutamaan dan keistimewaan berselawat kepada junjungan kita, Rasulullah ﷺ di dalam kitab ini.

Di samping itu, beliau juga ada menyelitkan sedikit kata-kata Saidina ‘Umar al-Khattab ؓ dan kisah-kisah berkaitan para solihin sebagai faedah tambahan. Beliau juga memberikan sedikit syarahan sebelum atau selepas hadith-hadith yang berkaitan. Kitab ini disusun oleh pengarangnya dengan ringkas tanpa meletakkan bab yang khusus bagi setiap hadith. Oleh itu, penterjemah/editor meletakkan nombor serta tajuk ringkas bagi setiap hadith yang disusun oleh beliau dengan tanda [...] bagi memudahkan rujukan pembaca.

Penulis berharap agar para pembaca mendapat manfaat agama yang besar melalui kitab ini dan semoga Allah ﷻ mengurniakan kita tawfiq untuk menjadikan amalan berselawat ini sebagai salah satu wirid asas bagi amalan harian dalam usaha kita mendekatkan diri kepada-Nya dan mencapai reda-Nya. Amin.

Penterjemah dan Editor

PENTERJEMAH DAN EDITOR

Ustaz Abdullaah Jalil adalah merupakan pensyarah kanan di Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau dilahirkan pada tanggal 10 Zulhijjah 1400 (Aidil Adha), bersamaan 19 Oktober 1980 di Kuala Terengganu dan dibesarkan di Skudai, Johor Bahru, Johor.

Beliau memulakan pengajian di peringkat menengah di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor (SMAKJ), Kluang (PMR & SRA - *Mumtaz*) sebelum menduduki SPM & SKK (*Mumtaz*) di Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS), Klang, Selangor.

Beliau kemudiannya melanjutkan pengajian di Universiti Yarmouk, Irbid, Jordan di dalam bidang Syariah (Fiqh dan Pengajian Islam). Beliau berjaya menamatkan pengajiannya di Universiti Yarmouk dalam tempoh tiga (3) tahun dan dikurniakan Sarjana Muda Syariah Kelas Pertama (*Mumtaz*) bersama Kepujian.

Setelah diterima sebagai tutor di FEM pada tahun 2002, beliau melanjutkan pengajian di peringkat sarjana di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di dalam bidang Perbankan dan Kewangan Islam serta dikurniakan Anugerah Pelajar Terbaik Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Perbankan dan Kewangan Islam) dalam tahun 2004.

Setelah berkhidmat selama hampir 7 tahun di FEM & USIM, beliau kemudiannya menyambung pengajian di peringkat doktor falsafah di INCEIF, Kuala Lumpur di dalam bidang Kewangan Islam (Islamic Finance) bermula Januari 2011.

Beliau merupakan salah seorang ahli jawatankuasa Majlis Penasihat Syariah, Bank Rakyat. Beliau juga telah dianugerahkan dengan “Friends of the Police” pada Hari Polis Kebangsaan 2011 kerana kerjasama beliau bersama pihak polis dalam usaha membanteras fahaman militan dan ancaman keselamatan negara.

Beliau juga mengikuti pengajian-pengajian di luar kuliah dengan beberapa mashayikh dan ulama’ dari dalam dan luar Malaysia bilamana berkesempatan.

Beliau telah mempelajari kitab ini dengan bersanad daripada salah seorang gurunya yang dikasihi, iaitu al-Shaykh Gibril Fuad al-Haddad al-Salihi al-Naqshabandi al-Athari.

[Halaman ini sengaja ditinggalkan kosong]

ISI KANDUNGAN

DEDIKASI.....	i
PRAKATA	ii
PENDAHULUAN	iii
PENTERJEMAH DAN EDITOR.....	v
ISI KANDUNGAN	vii

AL-IMAM AL-HAFIZ ABU AL- ^c ABBAS AL-UQLISHI	I
--	---

[HADITH 1: Memperbanyakkan Selawat Pada Hari Jumaat]	5
[HADITH 2: Selawat Menghampirkan Seseorang Dengan Rasulullah ﷺ].....	7
[HADIS 3: Allah ﷻ Merahmati Orang Yang Berselawat]	8
[HADIS 4: Allah ﷻ Merahmati Orang Yang Berselawat Dengan Ikhlas].....	9
[HADIS 5: Para Malaikat Mendoakan Orang Yang Berselawat]	10
[HADIS 6: Selawat Menghapuskan Dosa]	11
[HADIS 7: Selawat Mengangkat Darjat Seseorang].....	12
[HADIS 8: Empat Fadilat Selawat Seseorang Dengan Ikhlas].....	13
[HADIS 9: Kelebihan Selawat disampaikan oleh Jibril ﷺ]	14
[HADIS 10: Selawat Dibentangkan kepada Rasulullah ﷺ]	15
[HADIS 11: Rasulullah ﷺ Bersujud Syukur Kerana Kelebihan Amalan Selawat]	17
[HADIS 12: Amalan Selawat Dibentangkan Pada Hari Kiamat].....	19
[HADIS 13: Para Malaikat Yang Bertugas Menyampaikan Salam kepada Rasulullah ﷺ]	20
[HADIS 14: Kegembiraan Rasulullah ﷺ Dengan Kemuliaan Selawat dan Salam ke atas Baginda]	21

[HADIS 15: Selawat dan Salam Disampaikan kepada Rasulullah ﷺ Dalam Apa Jua Keadaan]	22
[HADIS 16: Allah ﷻ Membalas Selawat dan Salam kepada Pengamalnya]	23
[HADIS 17: Rasulullah ﷺ Menjawab Salam Yang Ditujukan kepada Baginda ﷺ]	24
[HADIS 18: Memohon <i>al-Wasilah</i> Bagi Rasulullah ﷺ Bersama Amalan Selawat]	25
[HADIS 19: Shafaat Bagi Mereka Yang Mendoakan <i>al-Wasilah</i> Untuk Baginda ﷺ]	26
[HADIS 20: Memulakan Doa dengan Tahmid dan Selawat]	27
[HADIS 21: Selawat Mengangkat Hijab Yang Menghalang Doa]	29
[Kata-kata Saidina ^cUmar <small>رضي الله عنه</small>]	29
[HADIS 22: Jadikanlah Selawat di Permulaan, Pertengahan dan Pengakhiran Doa]	31
[HADIS 23: Selawat Mencukupkan Segala Urusan Dunia dan Akhirat]	32
[HADIS 24: Menjadikan Selawat sebagai Keseluruhan Doa]	33
[HADIS 25: Berselawat dan Memohon <i>al-Maq^cad al-Muqarrab</i> Untuk Nabi ﷺ]	36
[HADIS 26: Nama Orang Berselawat Diberitahu Kepada Rasulullah ﷺ]	37
[HADIS 27: Perindahkanlah Selawat Kamu ke atas Nabimu ﷺ]	38
[HADIS 28: Berselawat Ketika Masuk dan Keluar Masjid]	39
[HADIS 29: Selawat Memelihara Doa, Keredaan Tuhan dan Tubuh Badan]	41
[HADIS 30: Selawat Menyelamatkan Seseorang itu Daripada Huru Hara Kiamat]	42
[HADIS 31: Ganjaran Selawat Yang Tertulis di dalam Kitab]	43

[HADIS 32: Malaikat Berdoa untuk Orang Yang Menulis Selawat di dalam Kitab]	44
[Kata-kata Sufyan al-Thawri]	44
[Kisah Muhammad Ibn Abi Sulayman]	45
[Kisah ‘Ubaydullah al-Fazari].....	45
[Kisah Sufyan Ibn ‘Uyaynah].....	46
[Kisah Abdullah Ibn ‘Abd al-Hakam].....	46
[HADIS 33: Bakhil Kerana Tidak Berselawat]	49
[HADIS 34: Majlis Tanpa Selawat Busuknya Melebihi Bangkai]	50
[HADIS 35: Biadap Kerana Tidak Berselawat]	51
[HADIS 36: Berselawat adalah Jalan ke Syurga]	52
[HADIS 37: Kehinaan Orang Yang Tidak Berselawat Apabila Mendengar Nama Baginda ﷺ]	53
[HADIS 38: Kaedah Berselawat ke atas Baginda ﷺ]	55
[HADIS 39: Berselawat ke atas Para Isteri dan Zuriat Rasulullah ﷺ]	57
[HADIS 40: Selawat Merupakan Persaksian Seseorang Bagi Nabi Muhammad ﷺ dan Kelayakan Mendapat Shafaat Baginda]	58
[HADIS 41: Berselawat dan Bersungguh dalam Berdoa]	60
[Kisah Abu Muhammad Abd al-Aziz Ibn Sa‘id al-Azdi].....	61
[Kisah Abu al-Hasan al-Shaqrani].....	63
[Kisah Ahmad Ibn ‘Ata’ al-Rawdhbari]	64
RUJUKAN	67
Lampiran I: Ijazah Pengajian	69
Lampiran II: Sanad Penterjemah dan Editor	70
Lampiran III: Beberapa Selawat Yang Mayshur	71
Selawat Ibrahimiyah	71
Selawat dari Riwayat Anas Ibn Malik ﷺ.....	71

Selawat Abdullah Ibn Mas'ud ﷺ.....	72
Selawat Pembuka Doa – al-Imām al-Shāfi'ī	73
Selawat Jami'ah – Mawlana Imam al-Shaykh Khalid al-Naqshabandi.....	73
Selawat al-Fatih	75
Selawat al- ^ḥ Azimiyyah.....	75
Selawat Nur al-Anwar	75
Selawat al-Munjiyah	76
Selawat Taziyyah/Nariyyah/Kamilah/Tafrijiyyah	77



AL-IMAM AL-HAFIZ ABU AL-‘ABBAS AL-UQLISHI



Nama penuh beliau ialah al-Imam al-Hafiz al-‘Allamah Abu al-‘Abbas Ahmad Ibn Ma‘add Ibn ‘Isa Ibn Wakil al-Tujibi, al-Uqlishi, al-Dani.¹

Beliau dilahirkan di Uqlish (Ucles), salah satu bandar di Andalus (Sepanyol) pada bulan Safar 363H. Beliau merupakan seorang yang *thiqah* lagi *fadil* dan tokoh ilmuan Islam di dalam pelbagai bidang, terutamanya hadith, bahasa dan kesusasteraan Arab. Beliau mempelajari hadith daripada bapanya dan belajar fiqh daripada Abu al-‘Abbas Ibn ‘Isa. Beliau juga mempelajari hadith dengan para ilmuan dari kalangan keluarga isterinya, Tariq Ibn Ya‘ish dan Ibn al-Dabbagh. Beliau bermusafir ke arah timur dalam berkelana mencari ilmu pada tahun 542H dan pergi mengerjakan haji serta tinggal di Mekah selama dua tahun. Dalam perjalanan beliau ke Mekah, beliau bertemu dengan al-Imam al-‘Allamah al-Muhaddith al-Hafiz Abu Tahir al-Silafi di Iskandariyyah, Mesir dan beliau sempat membaca dan menulis hadith daripada tokoh tersebut.

Ketika berada di Mekah, beliau sempat mendengar kitab “*Jami‘ al-Tirmidhi*” dari Abu al-Fath al-Karukhi. Al-Imam Ibn al-Abbar² (595H – 658H) menyifatkan beliau dengan berkata³:

¹ Beliau bukanlah al-Imam Abu al-‘Abbas Ahmad Ibn Qasim Ibn Isa al-Uqlishi (363H – 410H) yang merupakan seorang ulama’ qiraat di Andalus.

² Beliau adalah al-Imam Abu ‘Abdullah Muhammad Ibn ‘Abdullah al-Quda‘i al-Balansi (Valencia) (595H – 658H). Beliau lebih dikenali sebagai Ibn al-Abbar. Beliau adalah seorang

كان عالما متصوفا، شاعرا مجودا، مع التقدم في الصلاح والزهد والعروض عن الدنيا وأهلها.

“Beliau adalah seorang ahli ilmu yang bertasawwuf (sufi), seorang penyair yang baik, dengan terkehadapan di dalam kesolehan, kezuhudan dan berpaling dari dunia dan ahli-ahlinya.”

Kitab “*Anwar al-Athar al-Mukhtassah bi fadl al-Salah ‘ala al-Nabī al-Mukhtar*” adalah di antara kitab-kitab beliau yang masyhur. Al-Imam al-Sakhawi⁴ (902H) menyebut di dalam kitabnya: “*al-Qawl al-Badi‘ fi al-Salah ‘ala al-Habib al-Shafi’*” bahawa:

إن أبا العباس الأقليشي روي في المنام وكأنه يتبختر في الجنة، فقيل له: بم نلت هذه المنزلة؟ قال: بكثرة صلاتي على رسول الله ﷺ في كتاب الأربعين المختصة بفضل الصلاة عليه ﷺ - يعني تصنيفه - وقد وقفت عليه.

“Sesungguhnya Abu al-‘Abbas al-Uqlishi dilihat di dalam mimpi dan seolah-olah beliau sedang berjalan dengan begitu megah di dalam syurga dan beliau ditanya: Dengan apakah engkau mencapai kedudukan ini?. Beliau menjawab: Dengan banyaknya selawatku ke atas Rasulullah ﷺ

ulama’ di dalam bidang fiqh dan hadith, seorang ahli sejarah dan seorang sasterawan yang mayshur.

³ Al-Fasi – al-‘Aqd al-Thamin.

⁴ Beliau adalah al-Imam Shams al-Din Abu al-Khayr Muhammad Ibn ‘Abd al-Rahman al-Sakhawi al-Shafi’i (831H – 902H). Beliau adalah seorang ahli sejarah yang ulung, ahli hadith dan tafsir yang disegani serta seorang sasterawan Islam di zamannya. Beliau merupakan anak murid yang paling rapat kepada tokoh besar hadith - al-Imam al-Hafiz Ibn Hajar al-Asqalani (852H). Beliau melazimi gurunya ini dengan sepenuh perhatian sehingga gurunya berkata: “Dia adalah yang paling menyerupai jemaahku.”


di dalam kitab: “*Al-Arba‘in al-Mukhtassah bi fadl al-Salah ‘alayh ﷺ*.” (40 hadith khusus berkenaan kelebihan berselawat ke atas Baginda ﷺ) karangannya. [Imam al-Sakhawi menambah:] Dan daku telah menemui kitab tersebut.”

Di antara karangan-karangan beliau yang lain ialah:

- Al-Najm min kalam Sayyid al-‘Arab wa al-‘Ajam
- Diya’/Huliyy al-Awliya’
- Al-Kawkab al-Durri
- Tafsir al-‘Ulum wa al-Ma‘ani
- Al-Haqā’iq al-Wadihat fi Sharh al-Baqiyat al-Salihat
- Al-Durr al-Manzum fima Yuzil al-Fuhum wa al-Humum
- Shifa’ al-Zam’an fi Fadl al-Qur’an

Para ulama’ berbeza pandangan tentang tempat kewafatan beliau. Sebahagian mereka menyatakan bahawa beliau wafat di Qaws, Mesir⁵ pada tahun 550H dalam perjalan pulang dari Mekah menuju ke Daniyah (Denia). Dan ada yang menyatakan bahawa beliau wafat di Mekah pada tahun tersebut. Semoga Allah ﷻ merahmati beliau dan memanfaatkan umat Islam dengan beliau. Amin.

⁵ al-Dhahabi – *Siyar A‘lam al-Nubala’*.



Al-Imam al-Hafiz Abu al-^عAbbas Ahmad Ibn Ma^عadd Ibn ^عIsa Ibn Wakil al-Tujibi
al-Uqlishi berkata:

(وَعَنْهُ أَنَّهُ قَالَ - بِالترجمة)

Daku memohon kebaikan daripada Allah Yang Maha Esa lagi Raja Yang Maha Perkasa, setelah memanjatkan pujian kepada-Nya yang merupakan di antara zikir-zikir yang paling berharga, dan selawat-Nya ke atas Nabi-Nya yang merupakan penghulu segala cahaya, agar memakaikan orang yang berselawat ke atas Baginda ﷺ daripada sinaran-Nya yang paling ketara, dan membasahkan lidahnya dengan amalan selawat pada waktu petang dan permulaan hari, serta mengkhususkan hari Jumaat dengan dengan tambahan daripada amalan berzikir.



[HADITH I: Memperbanyakkan Selawat Pada Hari Jumaat]



Abu Dawud telah melaporkan di dalam kitabnya “al-Sunan” daripada Aws Ibn Aws رضي الله عنه bahawa beliau berkata: Rasulullah ﷺ telah bersabda:

إِنَّ مِنْ أَفْضَلِ أَيَّامِكُمْ يَوْمَ الْجُمُعَةِ: فِيهِ خُلِقَ آدَمُ، وَفِيهِ قُبِضَ، وَفِيهِ النَّفْخَةُ، وَفِيهِ الصَّعْقَةُ،
فَأَكْثِرُوا عَلَيَّ مِنَ الصَّلَاةِ فِيهِ، فَإِنَّ صَلَاتَكُمْ مَعْرُوضَةٌ عَلَيَّ.

Maksudnya: “Sesungguhnya di antara hari-hari kamu yang terbaik adalah hari Jumaat: padanya diciptakan [Nabi] Adam [عليه السلام], dan padanya baginda diwafatkan, padanya tiupan sangka kala, padanya lah kematian seluruh penduduk bumi dan langit⁶, maka perbanyakkanlah selawat ke atasku padanya (hari Jumaat), sesungguhnya selawat kamu semua dibentangkan kepada ku.”

قَالَ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَكَيْفَ تُعْرَضُ صَلَاتُنَا عَلَيْكَ وَقَدْ أَرْمَتَ يَقُولُونَ بَلِيَّتَ فَقَالَ إِنَّ اللَّهَ
عَزَّ وَجَلَّ حَرَّمَ عَلَى الْأَرْضِ أَجْسَادَ الْأَنْبِيَاءِ

Maksudnya: “[Aws Ibn Aws] berkata: Mereka pun berkata: Wahai Rasulullah! Bagaimanakah dibentangkan selawat kami kepada mu sedangkan engkau telah pun hancur di dalam bumi? Mereka juga berkata:

⁶ Allah ﷻ berfirman di dalam Surah Al-Zumar, ayat 68: (Dan sudah tentu akan ditiup sangkakala, maka pada waktu itu matilah makhluk-makhluk yang ada di langit dan yang ada di bumi, kecuali sesiapa yang dikehendaki Allah (terkemudian matinya); kemudian ditiup sangkakala sekali lagi, maka dengan serta merta mereka bangun berdiri menunggu (kesudahan masing-masing).)

Sedangkan engkau telah reput. Maka Baginda [ﷺ] bersabda: Sesungguhnya Allah Yang Maha Mulia lagi Agung telah mengharamkan ke atas bumi jasad-jasad para Nabi.[a.s.]”

صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

“Semoga Allah melimpahkan rahmat bersama penghormatan dan kesejahteraan ke atas Baginda”





[HADITH 2: Selawat Menghampirkan Seseorang Dengan Rasulullah ﷺ]



Maka perbanyaklah selawat ke atas Nabimu ﷺ pada hari yang mulia ini (Hari Jumaat) dan hari-hari yang lainnya. Sesungguhnya padanya keistimewaan bagi kamu dengan keberkatan dan kebaikan Bagindaﷺ. Dan kamu akan menjadi orang paling layak di sisi Bagindaﷺ pada Hari Kiamat kelak, dan orang yang paling hampir dengan Bagindaﷺ di syurga nanti.

Al-Bazzar telah melaporkan di dalam “Musnadnya” daripada Abdullah Ibn Mas’ud رضي الله عنه bahawa beliau telah berkata: Rasulullah ﷺ telah bersabda:

إِنَّ أَوْلَاكُمْ بِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ، أَكْثَرُكُمْ عَلَيَّ صَلَاةً فِي الدُّنْيَا

Maksudnya: “Sesungguhnya orang yang paling layak denganku dari kalangan kamu pada hari Kiamat kelak ialah orang yang paling banyak berselawat ke atasku ketika di dunia.”

صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

“Semoga Allah melimpahkan rahmat bersama penghormatan dan kesejahteraan ke atas Baginda”





[HADIS 3: Allah ﷻ Merahmati Orang Yang Berselawat]



Dan setiap kali kamu berselawat ke atas Nabimu, maka perbanyakkanlah amalan selawat tersebut. Ini adalah kerana ia merupakan jalan untuk mencapai keselamatan dan jalan untuk mendapatkan hubungan yang paling berharga. Dan bagimu dengan setiap selawat yang engkau ucapkan, sepuluh selawat yang diturunkan kepadamu oleh [Allah] Yang Maha Perkasa di bumi dan di langit, dengan penghapusan dosa-dosa serta terangkatnya kedudukan dan selawat para Malaikat ke atasmu dalam kedudukan tersebut.

Muslim melaporkan di dalam “Sahih”nya daripada Abu Hurayrah ﷺ bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ صَلَّى عَلَيَّ وَاحِدَةً صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ عَشْرًا

Maksudnya: “Barangsiapa yang berselawat ke atasku sekali, maka Allah [ﷻ] berselawat ke atasnya sepuluh kali.”

صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

“Semoga Allah melimpahkan rahmat bersama penghormatan dan kesejahteraan ke atas Baginda”



[HADIS 4: Allah ﷻ Merahmati Orang Yang Berselawat Dengan Ikhlas]



al-Bazzar meriwayatkan di dalam “Musnad”nya daripada ‘Umayr al-Ansari – beliau adalah salah seorang sahabat Rasulullah ﷺ yang menyertai perang Badar – berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ صَلَّى عَلَيَّ مِنْ أُمَّتِي صَلَاةً مُخْلِصًا مِنْ قَلْبِهِ، صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ بِهَا عَشْرَ صَلَوَاتٍ

Maksudnya: “Barangsiapa yang berselawat ke atasku di kalangan umat dengan satu selawat yang ikhlas daripada hatinya, Allah [ﷻ] akan berselawat ke atasnya dengan sepuluh selawat.”

صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

“Semoga Allah melimpahkan rahmat bersama penghormatan dan kesejahteraan ke atas Baginda”





[HADIS 5: Para Malaikat Mendoakan Orang Yang Berselawat]



Ibn Sakhr meriwayatkan di dalam “Fawa'id”nya daripada ‘Abdullah Ibn ‘Amir Ibn Rabi‘ah, daripada bapanya [ﷺ] berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

مَا مِنْ مُسْلِمٍ يُصَلِّي عَلَيَّ صَلَاةً إِلَّا صَلَّتْ عَلَيْهِ الْمَلَائِكَةُ مَا صَلَّى عَلَيَّ، فَلْيُقِلَّ عِنْدَ ذَلِكَ أَوْ لِيُكْثِرْ

Maksudnya: “Tidak ada seorang muslim pun yang berselawat ke atasku dengan satu selawat melainkan para malaikat akan berselawat ke atasnya dengan apa yang telah dia selawatkan ke atasku, maka [terpulang baginya] untuk melakukannya dengan sedikit dalam hal ini atau memperbanyaknya.”

صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

“Semoga Allah melimpahkan rahmat bersama penghormatan dan kesejahteraan ke atas Baginda”

